

## **KATA-KATA ALUAN DEKAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI, PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN (FPTPK)**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Selamat datang kepada saudara/i dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kerana berjaya melanjutkan pengajian di Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan Dan Keusahawanan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada sesi akademik 2010/2011.

Sebagai salah sebuah Fakulti daripada tujuh (7) buah Fakulti yang terdapat di UTHM, FPTPK mempunyai misi untuk melahirkan pengurus teknologi, ahli perniagaan dan usahawan yang berwibawa seperti yang ditetapkan melalui visi dan misi universiti ini.

Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan Dan Keusahawanan pada ketika ini menawarkan empat (4) program pengajian di peringkat Sarjana Muda iaitu (i) Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian, (ii) Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan kepujian, (iii) Sarjana Muda Pengurusan (Pembinaan) dengan Kepujian, dan (iv) Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian. Fakulti ini juga turut menawarkan program pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Fakulti ini menawarkan program-program dalam bidang perniagaan dan keusahawanan pada masa akan datang.

Semoga penerbitan proforma ini akan membantu saudara/i membuat perancangan pembelajaran masing-masing sepanjang tempoh pengajian. Keseimbangan antara kecemerlangan akademik, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah amat penting untuk membentuk ketrampilan diri berkualiti seterusnya berpotensi memenuhi kehendak pasaran kerja global. Kejayaan saudara/i adalah harapan semua pihak, dengan itu berusaha mencapai kecemerlangan diri.

Selamat Maju Jaya

**Prof. Dr. Noor Sharipah binti Sultan Sidi**

Dekan

Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia